

LAWATAN KERJA PANGLIMA BANTUAN UDARA KE MATERIEL UDARA 2

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3538-lawatan-kerja-panglima-bantuan-udara-ke-materiel-udara-2

SUBANG, 5 Jun 18 - Panglima Bantuan Udara, Mej Jen Dato' Hj Mohammad Salleh bin Hj Osman TUDM bersama pegawai-pegawai daripada Markas Pemerintahan Bantuan Udara telah mengadakan lawatan kerja ke Matra 2.

Ketua Matra 2, Lt Kol Hj Nor Azmi bin Abd Rahman TUDM telah memberikan taklimat lawatan merangkumi aspek organisasi dan perjawatan, peranan dan tanggungjawab Matra 2, isu dan cabaran yang dihadapi oleh Matra 2 serta menerangkan proses kerja di Matra 2.

Panglima Bantuan Udara juga dibawa ke gudang 1 bagi menerangkan dengan lebih terperinci berkenaan Automated Storage And Retrieval Systems (Asrs) dan alatan-alatan yang ditempatkan di Gudang 1.

Beliau turut menekankan tentang kepentingan komunikasi diantara MPBU dan Matra 2 agar misi untuk menjadikan bantuan dan dokongan logistik dari segi alatganti Pesawat/Radar, Alatulis dan Publikasi Kepada semua Unit-Unit dalam TUDM dan Unit lain dengan tepat pada masa yang diperlukan.



